

Soalan No: 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]**

TARIKH : 24.5.2016

SOALAN :

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan kebimbangan masalah kesihatan di kalangan rakyat Malaysia seperti obesiti, kencing manis dan kekurangan zat serta nutrisi, apakah yang sedang dilakukan untuk memastikan pelajar-pelajar sekolah, terutama sekolah rendah mendapatkan makanan yang lebih sihat di kantin sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan program dan pemeriksaan terancang dilaksanakan terhadap murid-murid sekolah. Program cara hidup sihat untuk murid sekolah rendah juga dilaksanakan bersama syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Selain daripada itu, pendidikan kepada murid berkaitan pemilihan bijak juga diterapkan.

KPM bersama-sama KKM telah dan sedang melaksanakan Program Doktor Muda secara aktif di sekolah dan program ini memberi penekanan terhadap aspek penjagaan kesihatan. Selain daripada itu,

semua murid juga dipantau tahap kesihatan mereka melalui Buku Rekod Kesihatan Murid. Murid yang didapati mengalami obesiti atau kekurangan nutrisi dan sebagainya akan diminta untuk merujuk kepada klinik kesihatan yang berdekatan.

RJM55